

09 APR 2001

PATA-Kadir

PERGI MELANCONG, TINGKATKAN INDUSTRI PELANCONGAN, KATA KADIR

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Industri pelancongan domestik dan serantau boleh tingkatkan lagi jika wujud perubahan minda di kalangan orang ramai untuk menjadikan percutian suatu keperluan, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Terdapat potensi besar untuk industri pelancongan di Asia Pasifik dan cabaran kepada industri itu ialah memujuk 3.8 bilion penduduk di Asia Pasifik melancong dan tidak menganggap "budaya melancong" sebagai sesuatu yang mewah, katanya ketika berucap pada perasmian persidangan tahunan Persatuan Pelancongan Pasifik Asia ke-50 di sini hari ini.

Persidangan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Antara yang hadir ialah pengerusi PATA M.P. Bezbaruah dan ketua pegawai eksekutif PATA Joseph Mc Inerney.

Kadir yang juga pengerusi Jawatankuasa Tuan Rumah Kebangsaan PATA 2001 berkata PATA menyediakan anggota dan para pemegang saham lain dalam industri pelancongan dan pengembaraan itu satu saluran untuk bekerjasama rapat.

"Persatuan ini menggalakkan pembangunan perkhidmatan pengangkutan penumpang dan kemudahan yang mencukupi sebagai tambahan kepada memudahkan perkongsian maklumat di kalangan anggota yang merupakan kunci penting yang menyumbang kepada kejayaan pembangunan pelancongan di rantau ini," katanya.

PATA juga telah merapatkan hubungan sektor swasta dan awam melalui sesi dialog yang membina dan usaha ini telah menghasilkan pelaburan besar yang produktif dalam sektor pelancongan, katanya.

Sambil menyifatkan kecantikan negara ini sebagai aset pelancongan, Abdul Kadir berkata Malaysia juga menawarkan pelbagai tarikan kepada pelawat antarabangsa menerusi latarbelakang pelbagai kaum dan budayanya.

Dalam sektor pelancongan, katanya persaingan tidak wujud kerana Malaysia sentiasa menarik orang ramai untuk berkunjung ke negara ini dan dalam masa yang sama menggalakkan mereka melawat negara -negara jiran.

Beliau berkata kerajaan Malaysia sentiasa membantu sektor swasta dalam memastikan pelaburan mereka dalam sektor pelancongan mendatangkan keuntungan.

Abdul Kadir berkata tarikan pelancong sedia ada serta sokongan yang diberikan oleh kerajaan kepada industri itu, sektor terbabit kini menjadi tiang utama ekonomi Malaysia.

-- BERNAMA

ZUE SD LAT